

# Perkeso gantung RM423 juta bayaran Penjanakerjaya

## Sokong dan beri kerjasama penuh kepada SPRM siasat kes tuntutan palsu Penjanakerjaya

Oleh MUHAMMAD AMMAN  
HIBRAHIM  
SHAH ALAM

**P**ertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) memberi sokongan dan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menjalankan siasatan berhubung kes tuntutan palsu Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjanakerjaya) membabitkan pihak majikan dan penyedia latihan di seluruh negara melalui Ops Hire.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, Ops Hire yang bermatlamat membatas penyelewengan dana kerajaan itu dilaksanakan secara bersepadu bermula Rabu lalu.

Menurutnya, melalui pemantauan dan risikan dijalankan SPRM dan Perkeso terhadap penerima dana Penjanakerjaya sejak bulan Mei tahun lalu, terdapat majikan didapati mengemukakan tuntutan palsu dan menyeleweng dana terbabit.

"Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diamanahkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan semasa tempoh pandemik Covid-19, Perkeso memandang serius isu penyelewengan ini kerana bantuan kewangan

kerjaan bertujuan untuk meringankan beban pihak yang layak serta benar-benar memerlukan, mengikut syarat dan kaedah yang ditetapkan.

"Dalam menangani isu ini, Perkeso telah mengambil tindakan proaktif dengan mengantung bayaran Program Penjanakerjaya berjumlah RM423 juta.

"Tindakan penggantungan bayaran tersebut dibuat berdasarkan pengalisan-an data dan pemantauan berterusan oleh Bahagian Anti-Fraud, Etika & Integriti (AFEI), Perkeso," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mohammed Azman berkata, AFEI juga bekerjasama rapat dengan Bahagian Kewangan dan Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan Perkeso untuk memastikan setiap permohonan yang diterima dapat disemak sepenuhnya dengan teliti sebelum bayaran dibuat kepada penerima insentif.

Beliau berkata, sehingga kini, jumlah bayaran yang telah dibuat oleh Perkeso kepada majikan dan pekerja di bawah Program Penjanakerjaya adalah sebanyak RM2.34 bilion membabitkan seramai 45,379 majikan bagi menempatkan 327,789 pencari kerja ke dalam pe-

kerjaan.

Dalam pada itu, Mohammed Azman berkata, Perkeso menekankan nilai integriti, kejujuran dan amanah dalam pengagihan bantuan kewangan kerajaan kerana ia melibatkan dana awam.

"Sehubungan itu, Perkeso mengingatkan majikan supaya jujur dan dan berintegriti dalam mengemukakan permohonan untuk apa-apa program bantuan Kerajaan termasuk Penjanakerjaya yang dilaksanakan oleh agensi ini.

"Mana-mana majikan yang telah menyalahgunakan dana Program Penjanakerjaya ini atau mengemukakan permohonan tanpa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan adalah diminta untuk tampil dan membuat bayaran balik secara sukarela, atau berhubung dengan Perkeso bagi menyelesaikan isu ini sebelum sebarang tindakan diambil," ujarnya.

Program Penjanakerjaya merupakan satu inisiatif diperkenalkan kerajaan bertujuan merangsang pewujudan pekerjaan oleh para majikan sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.



**Tindakan penggantungan bayaran tersebut dibuat berdasarkan pengalisan data dan pemantauan berterusan oleh Bahagian Anti-Fraud, Etika & Integriti (AFEI), Perkeso.**

- Mohammed Azman

## Seleweng dana bantuan satu tindakan zalim

**SHAH ALAM** - Penyeleweng yang berlaku dalam pelaksanaan Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjanakerjaya) yang merupakan satu bentuk kezaliman yang mengakibatkan pengalayaan kepada pihak yang memerlukan, kata Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin.

Beliau berkata, manipulasi dan eksploitasi peruntukan bagi membantu memulihkan ekonomi negara itu tidak wajar dikompromi kerana ia dilaksanakan bertujuan bagi membantu meringankan beban pengagur, orang kurang upaya (OKU) dan pelbagai lagi golongan yang tidak bernasib baik.



NURHAYATI

"Kita perlu faham bahawa peruntukan diberikan adalah untuk membantu dan memampung ekonomi pihak majikan dan pekerja yang terkesan akibat pandemik yang memberi impak global. Ini bermakna dana adalah berkait kepentingan awam dan ini menjadikan penyeleweng terhadap dana ini amat serius dan tindakan tegas perlu diambil," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada Jumaat memaklumkan pematuhan mekanisme pengeluaran dan

pelaporan peruntukan diberikan selain tindakan punitif seperti menyenaraitamkan syarikat berkenaan sebagai pengajaran kepada semua pihak.

"Kita tak mahu kejadian seumpama ini menjejaskan agenda memulihkan ekonomi negara. Siasatan telus dan adil perlu dijalankan kerana sekalipun ianya boleh diadili melalui sistem perundangan, tetapi ia adalah isu moral yang runtuh akibat penipuan, korupsi dan salah guna kedudukan," ujarnya.

Tamab Nurhayati, keadaan itu bukan sekadar menjejaskan ekonomi negara yang mahu dipulihkan, tetapi juga untuk memelihara maruah dan sistem sosial di dalam negara.